



DR. MAD NASIR SAMASUDIN (kiri) menyaksikan Dr. Polkit Sangvaneech (duduk) menandatangani memorandum perjanjian antara Universiti Putra Malaysia dan Universiti Chulalongkorn, Thailand, di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

UPM, Universiti Chulalongkorn perkukuh jaringan penyelidikan

Oleh NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID
teharashid@gmail.com



SEBAGAI sebuah universiti penyelidikan terbaik dalam negara, Universiti Putra Malaysia (UPM) juga sentiasa berusaha untuk menjadi universiti terbaik di mata dunia dengan menjalankan pelbagai penyelidikan di peringkat antarabangsa.

Bukan itu sahaja, sebagai universiti penyelidikan terkemuka, UPM sentiasa memberikan keutamaan dalam mengenal pasti penyelidik pada masa hadapan bagi membangunkan dan mempromosikan penyelidikan serta pembangunan sains dan teknologi.

Antara usaha yang dijalankan UPM adalah dengan mengadakan program pertukaran pelajar dengan universiti dari luar negara.

Terbaharu, UPM yang diwakili Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) untuk menggalakkan pertukaran akademik bersama Universiti Chulalongkorn, Thailand.

MoA berkenaan bertujuan untuk memulakan jaringan antara penyelidik dari kedua-dua universiti terutama dalam bidang berkaitan bioteknologi

ke arah memantapkan penyelidikan bersama.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Samsudin, MoA berkenaan merangkumi pertukaran kakitangan akademik dan pelajar termasuk pelajar ijazah dan pasca siswazah, pembangunan program pengajian di luar negara, penyeliaan bersama untuk pelajar pascasiswazah dan faedah-faedah lain.

"Bagi program mobiliti ini, seramai 10 orang pelajar dan lima orang kakitangan akan ditukarkan pada setiap semester. Mereka akan dibekalkan dengan subsidi dari segi yuran, penginapan dan kemudahan lain.

"Pelajar juga akan mendapat pemindahan kredit bagi kursus berkaitan yang diambil semasa program mobiliti dan ini tidak akan menjejaskan jangka masa untuk bergraduasi," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU bersama wakil Universiti Chulalongkorn.

Pada majlis itu universiti berkenaan diwakili oleh Dekan, Fakulti Sainsnya Prof. Madya Dr. Polkit Sangvaneech.

Katanya, program sebegini dapat membantu menyediakan pelajar mengenali dunia luar menerusi proses pembelajaran.

"Selain itu, program pertukaran tersebut juga dapat membantu pelajar untuk lebih

bersedia menghadapi alam pekerjaan dan meningkatkan persaingan di samping menambah pengalaman mereka.

"Tiada kriteria tetap yang digariskan bagi melayakkan pelajar untuk menyertai program ini.

"Namun, kami memilih mereka yang cemerlang dari segi akademik, sekali gus ini dapat mendorong dan menggalakkan pelajar-pelajar lain untuk menjadi cemerlang dan membuka peluang mereka menjadi pelajar yang terpilih untuk pertukaran ke luar negara," katanya.

Sementara itu Dr. Polkit berkata program itu telah lama dilaksanakan bersama UPM dan dikukuhkan lagi dengan perjanjian tersebut.

"UPM menjadi universiti pilihan kami untuk pertukaran pelajar kerana mempunyai banyak persamaan dengan Universiti Chulalongkorn dalam bidang penyelidikan apabila banyak kajian serupa dijalankan.

"Selain program pertukaran pelajar, kami juga telah melaksanakan beberapa aktiviti lain bersama UPM seperti seminar *Biotechnology of Biomass Utilization for ASEAN Development* yang diadakan di UPM baru-baru ini.

"Dalam seminar tersebut, seramai lapan penyelidik dari Universiti Chulalongkorn dan UPM telah dijemput untuk memberi ceramah dan berkongsi idea.